

30 JAN 2003

S'pura-Media/I

KEMUNGKINAN SERANGAN IRAQ TENGGELAMKAN ISU PERBALAHAN AIR

Oleh: Salbiah Said (membetulkan ayat di para tiga take tiga)

SINGAPURA, 30 Jan (Bernama) -- Pertikaian bekalan air antara Malaysia dan Singapura tidak lagi menjadi tajuk utama di akhbar Straits Times republik itu dan digantikan dengan ucapan Presiden George W. Bush yang menunjukkan ura-ura serangan terhadap Iraq.

Kecuali bagi akhbar Berita Harian, akhbar harian bahasa Inggeris itu membawa isu pertikaian air ke muka surat 'Dalam Negeri' selepas empat hari berturut-turut memberi liputan muka depan mengenai kenyataan Menteri Luar S. Jayakumar akan 'hubungan dua hala Malaysia-Singapura' di Parlimen Sabtu lepas.

Dua artikel meliputi hampir tiga suku muka surat, dengan satu bertajuk 'Akhbar KL Mempersoalkan Kesahihan Dokumen-dokumen Singapura' dan yang satu lagi kenyataan sayap pemuda Parti Tindakan Rakyat (PAP) yang menafikan ia memulakan kata-kata mengenai peperangan antara kedua-dua negara di forum laman webnya.

Menurut laporan Straits Times, dokumen-dokumen mengenai perbincangan dua hala antara pemimpin Singapura dan Malaysia terus menerima kritikan di Kuala Lumpur.

Akhbar Singapura itu berkata akhbar New Straits Times di Malaysia menyokong kritikan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dengan berkata dalam lidah pengarangnya "perbuatan mendedahkan dokumen rasmi dan intipati perbincangan kepada umum adalah di luar norma-norma yang boleh diterima."

Akhbar Berita Harian di Malaysia mempersoalkan kesahihan dokumen dan nota-nota yang diterbitkan oleh media Singapura. Menurutnya, kesahihan itu tidak dapat ditentusahkan memandangkan dokumen yang terdapat dalam laman web Straits Times, sebagai contoh, dalam bentuk 'Portable Document Format' - bukan imej dokumen asal.

Seorang bekas speaker Parlimen Singapura, Tan Soo Khoon mempertahankan tindakan kerajaan republik itu mendedahkan kepada umum nota dan dokumen perbincangan antara pemimpin Malaysia dan Singapura.

"Dokumen-dokumen ini mempunyai tandatangan Perdana Menteri dan Menteri Kanan serta Perdana Menteri mereka, dan ianya telah dibentangkan di Parlimen. Bagaimana mereka boleh mempersoalkan kesahihan dokumen-dokumen itu " Adakah mereka ketandusan hujah?" tanya Tan.

Pada Selasa, Syed Hamid berkata dokumen-dokumen perbincangan antara pemimpin Malaysia dan Singapura hanya merupakan asas kepada rundingan antara para pegawai dan Menteri-menteri dan ia sendiri tidak menunjukkan apa-apa perjanjian.

Syed Hamid memberitahu pemberita: "Apabila kita menyediakan dokumen, kita berpendapat semua dokumen itu adalah sulit untuk pemimpin perbincangan. Jika terdapat dokumen peribadi daripada seorang pemimpin kepada pemimpin lain, maka ditulis 'tiada prejudis.' Mereka sentiasa menyatakan 'Tanpa Prejudis'. Jadi kita hanya mengikut mereka: 'Tanpa Prejudis'".

Ia juga memetik Pengerusi Jawatankuasa Parlimen Kerajaan Bagi Hal Ehwat Luar, yang juga sejarawan tentera, Dr Ong Chit Chung sebagai berkata: "Sekarang ini, anda boleh mengimbas dokumen dan memasukannya dalam Internet. Ini bukan sesuatu yang ganjil."

"Sebagai sejarawan, saya tahu semua dokumen boleh diperiksa dan diteliti oleh penyelidik bebas. Kita tidak boleh membawa dokumen palsu ke meja rundingan Jika mereka tidak sah, ia sudah pasti akan dapat diketahui," kata Dr Ong.

Dengan menerbitkan dokumen-dokumen ini sedangkan rundingan masih berjalan menunjukkan kurangnya kepercayaan antara kedua-dua pihak seperti yang dijelaskan oleh Syed Hamid.

"Apa yang mereka mahu buktikan? Saya rasa kurangnya kepercayaan antara satu sama lain dalam kes ini khasnya. Saya katakan kepada anda bukan menjadi amalan kita untuk menerbitkan dokumen antara pemimpin mengenai isu-isu yang sedang dirundingkan."

"Anda jangan terbitkan surat-surat ini. Surat-surat ini boleh diterbitkan apabila anda menulis kisah kenangan ataupun yang seumpamanya," kata Syed Hamid, merujuk kepada dokumen mengenai isu air antara pemimpin kedua-dua negara pada 2001 dan tahun lepas.

Kritikan Syed Hamid mengenai penyiaran surat-surat itu terpampang di muka depan The Straits Times pada Selasa. Sokongan warga Singapura bagi pendirian kerajaan mereka dalam rundingan air merupakan tajuk utama pada hari itu.

Sebenarnya, bantahan Malaysia mengenai hal itu (penyiaran kandungan dokumen-dokumen itu) telah dinyatakan dengan jelas oleh Syed Hamid. "Ia menunjukkan Singapura "sejak sekian lama ini tidak berhasrat mencari satu penyelesaian" bagi rundingan harga air yang tergendala."

Seperti yang dinyatakan oleh Syed Hamid: "Mereka boleh terbitkan sebanyak mana dokumen yang mereka suka...bukan semua yang mereka katakan itu benar."

Bersebelahan kenyataan Syed Hamid ialah kenyataan Dr Ong Chit Chung dan Tan Soo Khoo, bersama foto warna masing-masing dan sepucuk surat daripada Menteri Kanan Lee Kuan Yew kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertarikh 11 Mac 2002.

Akhbar Berita Harian Singapura pula memilih untuk menumpukan pada isu itu, dengan menyokong sepenuhnya pendirian kerajaannya mendedahkan kepada umum dokumen-dokumen itu.

Ia menjadi tajuk utama semalam, dan berita muka depan hari ini menafikan kenyataan Syed Hamid bahawa Malaysia mungkin meminda undang-undang untuk membuat perubahan dalam perjanjian bekalan air.

Syed Hamid dipetik berkata pada Selasa yang Malaysia sedang meninjau kemungkinan menggunakan undang-undang Johor dalam mendapatkan harga yang lebih baik bagi air yang dibekalkan kepada Singapura.

Beliau berkata perjanjian bekalan air yang akan tamat pada 2011 tidak akan diperbaharui dan perjanjian yang berakhir pada 2061 juga tidak akan dilanjutkan.

"Tiada apa untuk dibincangkan dalam tempoh 100 tahun lagi. Oleh itu tiada apa untuk dipersetujui," kata Menteri itu lagi.

-- BERNAMA

SS PR